

# Jawatankuasa khas pakar kebakaran perlu dibentuk

JELĒBU 30 Jun 2001 — Sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar 'arson' (membakar dengan sengaja) perlu dibentuk untuk menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, ia bagi membolehkan siasatan dijalankan secara mendalam agar dapat dibuktikan kebakaran itu berpunca daripada litar pintas atau disabotaj.

Ini kerana, katanya, kebakaran yang melibatkan artifak nasional itu adalah satu perkara yang luar biasa.

"Kebakaran yang berlaku di DTC sukar dinyatakan secara khusus sama ada ia disengajakan atau dirancang kecuali pihak berkuasa dapat mencari punca berlakunya kebakaran itu.

"Namun, sekiranya punca kebakaran akibat litar pintas gagal dibuktikan, sudah pasti kita tidak menolak kemungkinan ia berlaku kerana perbuatan sabotaj untuk menggagalkan perhimpunan besar-besaran dengan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seperti yang dijadualkan esok," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kebakaran di DTC yang membabitkan kerugian sebanyak RM12.4 juta, awal pagi semalam.

Kebakaran itu berlaku ketika terdapat gerakan yang cuba menghalang kehadiran Perdana Menteri untuk melakukan penutupan 'Simposium Penegasan Arah Tujau Idealisme Mahasiswa di

Alaf Baru' hadapan 3,000 pemimpin mahasiswa dari 15 buah universiti dan institut pengajian awam dari seluruh negara.

Rais memberitahu, sekiranya perbuatan sabotaj itu dapat disahkan ia perlu disiasat sehingga peringkat akar umbi supaya pihak berkenaan dikenakan tindakan paling tegas.

"Saya amat berharap pihak berkuasa yang terlibat dalam menjalankan kerja-kerja siasatan dengan begitu serius dan teliti supaya perkara itu tidak lenyap selepas seminggu berlaku," ujarnya.

---

## Berselindung

Dalam pada itu, Rais berkata, beliau akan meminta Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula Akta Kolej dan Universiti 1975 supaya ia dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Beliau memberitahu, walaupun melalui akta tersebut penuntut universiti tidak dibenarkan berpolitik namun parti-parti politik bergerak cergas untuk mempengaruhi kumpulan pelajar dengan menyertai program menerusi acara yang berselindung seperti sosial, agama, kebudayaan dan sebagainya.

"Dalam soal ini semua parti politik perlu bertanggungjawab dan bukannya menuding jari kepada mana-mana pihak," katanya.